

27/04/2003

Maklumat kejayaan Malaysia tidak tersebar luas: Cope

Azran Jaffar

DI MATA dunia, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara kecil. Sungguhpun begitu, banyak juga kejayaan yang dicapai. Namun apa yang dilihat, lebih banyak berita negatif mengenai negara ini yang dilaporkan media asing terutama dari Barat berbanding pencapaian dan kejayaannya. Malah yang mempertikaikan kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerajui Malaysia.

Adakah fenomena ini berlaku kerana keangkuhan dunia dan media Barat, atau ia sebenarnya sikap Barat terhadap negara sedang membangun seperti Malaysia?. Mungkin juga sikap ini timbul kerana mereka sebenarnya tidak prihatin terhadap negara lain dari Timur.

Bagi melihat persepsi media Barat terhadap negara sedang membangun, terutama Malaysia, wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR baru-baru ini menemui Pengarah Projek Antarabangsa akhbar The Washington Times, Greg Cope. Beliau berkunjung di Kuala Lumpur sejak awal Mac lalu bagi melihat sendiri keadaan sebenar Malaysia serta pencapaian negara ini terutama sepanjang pemerintahan Dr Mahathir.

APAKAH yang mendorong kedatangan anda ke negara ini?

Duta Malaysia (di Washington), Datuk Ghazali Sheikh Khalid mahu kami datang dan menulis mengenai Malaysia kerana tidak banyak laporan positif mengenai negara ini dalam media Barat dan di Washington DC khasnya.

Adakah ini kali pertama anda ke negara ini?

Apabila orang bertanyakan soalan ini jawapan saya ialah 'amat malang sekali' (ya, ini kali pertama). Selepas beberapa minggu berada di sini saya gembira dan berharap saya sudah sampai ke sini sebelum ini. Saya mengakui tidak banyak mengetahui mengenai Malaysia. Saya tidak tahu Malaysia dan sebelum datang kami (beliau dan rakan penulis, Helena Plater-

Zyberk) mencari maklumat mengenai Malaysia, di samping maklumat tambahan yang diberikan oleh pejabat kedutaan Malaysia di Washington. Apabila sampai di sini saya dapati ia lebih baik daripada apa yang kami peroleh sebelum ini. Inilah masalah sebenarnya. Maklumat mengenai Malaysia tidak tersebar. Ia menjadi rahsia yang tersimpan. Persepsi kami kini mengenai Malaysia adalah lebih baik daripada yang kami ketahui sebelum ini.

Inilah

sebenarnya mengapa Duta Malaysia mahukan kami ke sini.

Inilah juga yang kami katakan sewaktu mengadakan pertemuan dengan Pemangku Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) bahawa maklumat mengenai Malaysia tidak sampai. Beliau bersetuju dengan perkara ini dan berkata, apa yang boleh saya (Abdullah) harapkan daripada kamu (Cope dan Helena) ialah memberikan laporan yang jujur apa yang kamu lihat, dan inilah yang akan kami lakukan. Di pihak kami sememangnya kami tidak akan menulis yang negatif kerana tidak ada yang negatif yang ditemui... kecuali kesesakan jalan raya (sambil ketawa).

Apa yang anda rasakan mengenai Malaysia?

Saya dan Helena gembira di sini, penduduknya ramah, segala-galanya tidak seperti yang kami jangkakan seperti infrastrukturnya. Walaupun

sebahagian

besar masa kami habiskan di Kuala Lumpur, kami juga sudah ke Sabah dan Pulau Pinang. Di Sabah kami melihat budaya dan masyarakatnya dan ke Pulau

Pinang sebagai tetamu kepada Ketua Menteri (Tan Sri Koh Tsu Koon), meninjau pembangunan perniagaan serta berjumpa dengan persatuan hotel dan

pelancongan.

Selain Malaysia adakah anda pernah ke beberapa negara sedang membangun lain?

Saya pernah berada beberapa ketika di Afrika Selatan dan juga ke beberapa negara Asia Barat.

Apakah pendapat anda mengenai negara berkenaan berbanding Malaysia?

Sebenarnya saya sudah tidak ke sana sejak 10 tahun lalu dan mungkin sudah banyak perubahan. Malaysia adalah lebih baik, tetapi dengan beberapa

pegecualian kerana beberapa bahagian di Asia Barat seperti Emiriah Arab Bersatu adalah baik, Arab Saudi sangat maju. Malaysia adalah baik dan membangun, segalanya berjalan lancar serta ada banyak perkara untuk dilihat dan dilakukan.

Berada di Washington selama dua tahun (Cope adalah rakyat British dan baru dua tahun bertugas di Washington) bagaimana anda melihat pandangan masyarakat di sana terhadap Malaysia?

Pada pandangan saya masyarakat Washington DC, juga di pantai barat dan pantai timur adalah terlalu kosmopolitan dan mereka banyak melawat negara

luar, tetapi Malaysia masih kurang dikenali dan bukan destinasi popular. Sewaktu kami hendak datang ke sini ramai (kawan-kawan, rakan perniagaan) yang bertanya adakah selamat terutama dalam keadaan sekarang. Ini juga kerana ia adalah negara Islam. Secara keseluruhan pandangan masyarakat di

sana terhadap Malaysia tidak tepat. Realitinya lebih baik. Dari segi keselamatan misalnya... isu ini yang banyak diperkatakan mereka.

Sepanjang

berada di sini apa yang kami terima ialah keramahan penduduknya, malahan tiada siapa yang membangkitkan soal perang kepada kami... tidak menyalahkan individu. Dari perspektif kami, keselamatan bukanlah satu isu.

Adakah kerisauan mereka berkaitan penganas atau ...?

Bukan mengenai keganasan tetapi kerana negara Islam.

Apakah yang anda jangkakan terhadap maklumat bahawa Malaysia adalah negara Islam?

Apa yang saya jangkakan? Saya pernah berada di Asia Barat, jadi tidak banyak masalah. Apa yang saya jangkakan ialah ia mungkin seperti UAE tetapi tidak seketat seperti di sana. Saya juga jangkakan kaum wanita berpakaian seperti wanita di Asia Barat, bagaimanapun apa yang saya ketahui peluang untuk wanita Malaysia lebih terbuka dan mereka ada banyak

peluang. Walaupun saya banyak berjalan dan membuat kajian mengenai Malaysia, namun kenyataannya lebih baik daripada persepsi saya. Bukanlah saya menjangkakan Malaysia sebuah tempat yang teruk tetapi ia lebih baik daripada apa yang saya fikirkan.

Tidak berapa lama dulu, berlaku kejadian di mana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disuruh membuka kasut sewaktu pemeriksaan di lapangan

terbang. Pada pandangan anda adakah media Amerika sudah memainkan peranannya dalam menghapuskan pandangan bahawa Malaysia adalah negara penganas?

Inilah peranan kami memberitahu bahawa Malaysia bukanlah negara penganas. Setiap negara mempunyai masalahnya dan setiap negara berpotensi menjadi sarang penganas, tetapi Malaysia cergas dalam mengatasi masalah ini dan bekerjasama dengan Amerika dalam menangani soal penganas.

Selepas kejadian 11 September kami di sini mendapat pelbagai cerita mengenai layanan terhadap masyarakat Islam. Ada yang mengatakan baik manakala ada pula yang mengatakan sebaliknya.

Ini adalah kes di mana situasinya seperti peperangan, bagaimanapun ia adalah perang terhadap penganas. Tidak ada yang sempurna. Mungkin berlaku kes-kes terpencil.

Apakah situasinya sekarang di Amerika dan bagaimana pandangan masyarakat di sana terhadap masyarakat dari negara Islam?

Tahap waspada masih tinggi dan di beberapa tempat agak tinggi. Kesedaran

terhadap keselamatan masih tinggi. Pengalaman berada di sini, kami tidak dengar sebarang masalah. Saya berharap inilah juga keadaannya kepada rakyat Malaysia di Amerika. Walaupun Malaysia negara Islam tetapi ia terbuka.

Jadi selepas beberapa minggu melihat dan meninjau negara ini apa yang dapat anda katakan mengenai Malaysia?

Dari segi ekonomi sangat kukuh, tempat perdagangan yang baik, begitu juga dengan politiknya yang kukuh dan Perdana Menteri, (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) melakukan yang terbaik untuk negaranya. Saya kagum ketika menyaksikan banyak benda-benda yang mengagumkan, hotel yang kami diami contohnya, banyak projek yang saya lihat. Saya sering terbang dan lapangan terbang yang ada (KLIA) adalah antara yang termoden. Saya ke Putrajaya. Kemampuan untuk tiga etnik tinggal bersama adalah satu contoh terbaik kepada dunia.

Berbalik kepada Washington, anda ada mengatakan tidak banyak maklumat mengenai Malaysia?

Tidak banyak yang dilaporkan mengenai Malaysia dan daripada maklumat yang kami peroleh apa yang diceritakan bukanlah sepenuhnya. Di The Washington Times ada juga laporan mengenai Malaysia tetapi tidaklah selalu. Tidak banyak laporan mengenai Malaysia mungkin juga disebabkan tidak banyak perkara besar berlaku di Malaysia. Malaysia (di bawah pimpinan Dr Mahathir) dalam senyap membuat kerja membangunkan negara.

Pada saya bukan disebabkan Malaysia sebuah negara kecil atau sebagainya tetapi ia adalah keadaan semula jadi media yang mana ruangnya agak terhad.

Bagaimana pula dengan Singapura adakah mereka juga dikenali?

Sebagai contoh, wakil The Washington Times pernah ke sana tahun lalu untuk memberitahu mengenai negara berkenaan. Ia tidaklah lebih unik daripada Malaysia. Inilah dunia, melainkan kalau ada perkara negatif yang hendak dilaporkan atau kalau ada perkara yang menarik perhatian berlaku. Saya juga hairan mengapa berita mengenai Persidangan NAM (Pergerakan Negara-Negara Berkecuali) (Cope datang sebelum persidangan NAM) baru-

baru

ini tidak begitu mendapat liputan dari media Barat, sedangkan ia adalah satu acara besar dan Malaysia mempelgeruskannya.

Adakah anda tahu apakah sebabnya tidak banyak laporan mengenai Asia dalam media Barat, sebagai contoh Persidangan NAM?

Saya tidak tahu mengapa persidangan itu tidak mendapat liputan yang meluas, mungkin kerana sesetengah akhbar ada hadnya terhadap apa yang ingin dilaporkan. Projek yang kami lakukan ini adalah antara cara untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat setempat terhadap negara-negara tertentu.

Adakah The Washington Times menghantar wakilnya untuk membuat liputan persidangan ini?

Tidak

Apakah pandangan anda mengenai NAM di kalangan negara maju?

Pada pandangan saya pergerakan itu tidak diketahui dan di sini soal pendidikan (memberi tahu) timbul. Pada pandangan saya, apa yang Malaysia mahu lakukan (terhadap NAM), di bawah pimpinannya ialah meningkatkan kesedaran masyarakat dunia terhadap NAM. Adalah baik bagi NAM apabila Malaysia melakukan perkara ini, begitu juga baiknya NAM kepada Malaysia.

Secara keseluruhannya apakah pandangan anda terhadap fungsi NAM.

Adakah

ia sudah berjaya sebagai satu suara?

Pada pandangan saya belum kerana tidak banyak yang dilaporkan dan saya berharap Malaysia akan mengubah keadaan ini. Malaysia sangat proaktif dalam hal ini dan mahukan NAM diiktiraf dan ia seharusnya mendapat pengiktirafan.

Sebelum Malaysia, NAM dipengerusikan oleh Afrika Selatan. Benua Afrika antara yang dikenali (kerana kedudukannya, apa yang ada di sana dan apa yang berlaku), tetapi masih ada yang tidak sedar mengenai kewujudan NAM. Adakah ini sebenarnya menunjukkan sikap negara maju?

Secara peribadinya saya sendiri tidak tahu Afrika Selatan sebelum ini adalah Pengerusi NAM. Mungkin inilah petunjuk bahawa NAM tidak mendapat liputan yang meluas. Ini pandangan peribadi saya.

Anda anda berjumpa dengan Pemangku Perdana Menteri, apakah pandangan anda terhadap beliau?

JBeliau sangat ramah, berperawakan, kenyataannya terhadap perang tegas namun saya berfikiran ia tidak akan mengganggu hubungan jangka panjang kedua-dua negara. Hubungan antara kedua-dua negara akan kekal kerana kedua-duanya mendapat faedah daripada hubungan itu.

: Anda tentu tahu bahawa akan berlaku peralihan kuasa di negara ini pada Oktober nanti. Apakah yang anda lihat mengenai situasi politik negara ini?

Kami menanyakan soalan yang sama (kepada Pemangku Perdana Menteri) dan jawapannya (yang diberikan oleh Abdullah) ialah ia akan berjalan lancar. Inilah mesej yang akan kami sampaikan di Washington - akan berlaku peralihan kepemimpinan tetapi bukan kerajaan. Dasar yang diperkenalkan Dr

Mahathir akan diteruskan dan berkata beliau tidak akan menukar apa yang diperkenalkan. Tidak menukar atas dasar ingin menukar.

Mengenai pencerobohan Amerika ka atas Iraq, bagaimana anda melihat maklum balas Malaysia terhadap perkara ini?

Malaysia menyatakan pendirian yang jelas - tidak setuju akan perang dalam apa bentuk sekali pun bukan penyelesaian kepada masalah. Ya, pada

pandangan saya pendirian Malaysia jelas.

Adakah anda berpendapat apa yang dilakukan ini betul dalam memberikan petunjuk kepada Amerika bahawa apa yang dilakukannya itu tidak betul?

Pada pandangan saya ramai penduduk dunia tidak setuju dengan perang, bukan Malaysia saja. Amerika dan Britain tetap dengan keputusannya, memerangi Iraq tanpa persetujuan PBB. Malaysia tidak bersetuju seperti juga dengan negara lain. Saya mempunyai pandangan sendiri mengenai perang

ini tetapi saya berasa ia tidak perlu diberitahu di sini kerana saya bukan

mewakili kerajaan atau mana-mana pihak.